



PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 4 TAHUN 2016

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2016

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2016 yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2016 yang mana pelaksanaannya diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan beberapa pindaan yang berkaitan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya BKK sebanyak RM500.00 dibayar kepada pegawai perkhidmatan Awam Persekutuan di atas keperihatinan Kerajaan serta menghargai khidmat bakti penjawat awam.

3. Kerajaan juga bersetuju memanjangkan pemberian BKK sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

PELAKSANAAN

4. BKK diberi kepada semua pegawai UMT yang masih berkhidmat pada 8 Jun 2016, tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta

Hati Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016.

5. Bagi pegawai lantikan *contract of service* dan Pekerja Sambilan Harian (PSH), tempoh 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016 adalah bermaksud boleh meliputi lebih dari satu kontrak yang bersambung tanpa putus.

PEGAWAI YANG LAYAK

6. Tertakluk kepada perenggan 4 di atas, Pegawai UMT yang layak dibayar BKK adalah seperti berikut:

- 6.1 pegawai lantikan tetap, sementara, dan *contract of service*;
- 6.2 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 6.3 pegawai yang bercuti tanpa gaji/ dipinjamkan ke agensi yang diasangkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016; dan
- 6.4 pemandu yang dilantik oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

7. Pegawai UMT yang tidak layak dibayar BKK adalah seperti berikut:

- 7.1 pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta

Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;

- 7.2 pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;
- 7.3 pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;
- 7.4 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016; dan
- 7.5 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

8. BKK sebanyak RM500.00 juga dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 8 Jun 2016 tertakluk kepada syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN PEMBERIAN BKK

9. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan pada atau sebelum 8 Jun 2016 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian BKK. Pegawai hanya layak dibayar BKK sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

10. Pembayaran BKK ini adalah menjadi tanggungan Jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

PESARA

11. BKK kepada pegawai UMT yang telah bersara pada atau sebelum 8 Jun 2016 dan menerima pencen akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM250.00.

12. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

13. Pesara yang dilantik semula dalam Perkhidmatan Awam¹ layak dibayar BKK pada kadar RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh UMT di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

TARIKH PEMBAYARAN

BKK sebanyak RM500.00 kepada pegawai UMT dan RM250.00 kepada pesara akan dibayar pada 15 Jun 2016.

¹ Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat edaran berhubung pemanjangan pemberian bantuan Khas Kewangan kepada pegawai di bawah *contract for service*.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.